Dengan inflasi mendatang culcup merisaukan, kenaikan harga barang kian menyeluruh serta kos hidup yang ibarat satu perjudian untuk diambil warganya, Malaysia perlukan anjakan dan tujuan pemikiran aras tinggi untuk mengubah episod duka ini.

Dengan barisan Jemaah Menteri terbesar - 31 menteri, belum dicampur pelantikan bertaraf menteri berserta 38 timbalan menteri, biarpun dengan keluasan Malaysia 329,847 km persegi dikatakan 26 hingga 28 menteri memadai, Kabinet sedia ada yang dipimpin harus benar-benar merasai dipimpin untuk kebaikan.

Perbetulkan yang biasa, biasakan yang betul. Alah bisa tegal biasa.

Zulkifli Jalil ialah Timbalan Pengarang Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia

Kartel jual ikan tengah laut

Dari muka 1

Dengan cara itu, kita dapat kawal dan kita dapat tahu berapa jumlah pendaratan ikan pada satu-satu masa yang masuk ke dalam pasaran negara," katanya.

Sementara itu, sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, kira-kira dalam kalangan 35,000 nelayan asing yang bekerja sebagai tekong atau awak-awak bot besar tempatan dipercayai menjadi 'keldai ikan' melakukan kegiatan itu.

Ini termasuk dalam kalangan nelayan tempatan turut beraspek kol sebagai talu barut asing sanggup makan 'dedak' menjarah hasil ikan negara sendiri.

"Kartel-kartel ini di tengah laut sudah buat kerja. Mereka sudah siap-siap bungkus ikan untuk dijual kepada pasaran antarabangsa tanpa perlu mendaratkan ikan itu.

"Bila sampai jeti mereka hanya isytharkan hasil tangkapan 50 peratus sahaja, kerana 50 peratus lagi sudah dijual kepada asing. Sebab itulah kita tak cukup ikan dan buat alasan bekalan kurang kononnya atas faktor cuaca dan sebagainya," katanya di sini semalam.

Sumber berkata, kemasukan warga asing untuk bekerja sebagai tekong dan awak-awak bot laut dalam tempatan boleh menjadi faktor pencerobohan bot nelayan asing ke perairan negara.

Perkara ini bukan cakap kosong kerana ia terbukti apabila negara pernah kehilangan sejumlah RM6 bilion hasil laut negara akibat dirompak ne-



BEKALAN ikan untuk pasaran tempatan berkurang kerana kartel menjualkan sebahagian tangkapan di tengah laut. - GAMBAR HIASAN

layan asing.

Mengikut rekod Agensi Pengurusan Maritim Malaysia (Maritim), lebih 1,000 bot nelayan asing kebanyakannya nelayan Vietnam ditahan kerana menceroboh perairan negara selepas didapati menangkap ikan secara haram dikesan sejak 2006.

Jelas sumber, kegiatan itu amat mengecewakan apabila bot-bot besar ini menggunakan minyak bersubsidi yang ditanggung kerajaan tetapi mencuri pula hasil negara.

Lebih parah, tidak menolak kemungkinan ada antara nelayan tempatan sendiri menjual minyak diesel bersubsidi untuk mendapatkan wang tunai.

Untuk itu, sumber berkata, pelbagai aspek perlu dilihat bagaimana pencerobohan bot

nelayan asing boleh berlaku sama ada terdapat penyalahgunaan sesetengah permit untuk memasuki perairan Malaysia dengan 'bantuan' awak-awak asing yang bekerja di negara ini.

"Jadi kita minta LKIM atau Jabatan Perikanan perinci-kann data 35,000 nelayan asing ini? Jumlah ini sangat banyak, hampir separuh daripada nelayan tempatan. Jumlah ini disebut oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) sendiri.

"Perkara ini sangat serius dan perlu dibanteras pihak berwajah. Bukan sahaja tindakan pengurusan, tetapi perlu ada mekanisme bagi menghalang pengkhianat yang bersekongkol dengan mereka," katanya.

Waktu Solat

	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISTAK
Kangar	5:53	1:26	4:51	7:39	8:55
Alor Setar	5:54	1:25	4:51	7:38	8:54
Pulau Pinang	5:56	1:25	4:51	7:37	8:53
Ipo	5:55	1:23	4:49	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:55	1:21	4:46	7:29	8:45
Shah Alam	5:55	1:21	4:46	7:29	8:45
Johor Bahru	5:49	1:12	4:37	7:17	8:32
Kuantan	5:50	1:15	4:40	7:23	8:38
Seremban	5:55	1:19	4:44	7:26	8:41
Bandar Melaka	5:54	1:18	4:43	7:25	8:40
Kota Bharu	5:47	1:18	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:45	1:14	4:40	7:26	8:41

Renungan

Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (Ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang yang zalim.

- Surah al-Mumtahanah Ayat 9

Langganan sayur kebun bandar

PERTANIAN urban menggunakan sistem pintar yang menghasilkan sayur-sayuran lebih bermutu tinggi, segar dan miliki rasa yang lebih enak, selain bebas penggunaan bahan kimia serta bahan perosak yang boleh dinikmati terus oleh para penduduk kota sekali gus menjadi salah satu solusi terbaik tangani krisis makanan.

Kosmo!
MAGAZINE CONTEMPORARY

PELBAGAI jenis sayur boleh didapati di ladang sayur terletak di kawasan bandar iaitu di Subang Jaya, Selangor ini antaranya mustard looseleaf, dwarf choy dan lain-lain.

Pertanian urban melestari alam

SELESAI menghantar anaknya ke sekolah pagi itu, Siti Nurwajihah Abdul Karim, 35, memandu kenderaannya ke satu ladang sayur bagi mengambil bekalan sayur-sayurannya yang sudah ditempah menerusi langgaran bulanan.

Selain dipetik segar, sayur-sayuran yang diletakkan dalam beg seberat sekitar satu kilogram itu adalah bebas daripada semburan racun perosak, menjadikannya sebagai pilihan yang lebih enak dan menyihatkan.

"Dengan melanggan sayuran ini, ia memudahkan saya untuk mendapatkan bekalan sayur secara berterusan tanpa perlu berebut sayur di pasar."

"Selain mudah, saya juga yakin dengan tahap keselamatan dan kebersihan sayur-sayurannya ini."



Rencana Utama

Oleh
ZURAINI MOHD.KHALID

memandangkan ia ditanam secara pertanian bandar tanpa menggunakan bahan perosak," kata Siti Nurwajihah kepada K2.

Begitulah rutin Siti Nurwajihah yang berasal dari Subang Jaya, Selangor setiap Jumaat. Jelasnya, barpun langganan sayur itu secara bulanan, namun dia boleh mengambil bekalan aneka sayur segar dari ladang itu setiap minggu.

Pertanian bandar yang lazimnya mempraktikkan kaedah penanaman



LADANG sayur Sunway XFarms ini turut melahirkan banyak petani bandar.

sayuran secara *indoor* (dalam bangunan) menggunakan kaedah penanaman organik dan tidak melibatkan penanaman di dalam bidang-bidang tanah.

Pertanian seumpamanya dipercayai mula dicipta pada kurun ke-20, namun konsep tersebut hanya mula dlamalkan di Armenia pada tahun 1951 menerusi pembinaan unit menara hidroponik.

Kaedah tersebut yang juga digelar *vertical farming* merupakan kaedah penanaman sayur secara besar-besaran secara bertingkat, sama ada secara hidroponik,

akuaponik dan aeroponik.

Pertanian urban atau bandar merupakan proses penanaman, pemprosesan dan pengedaran makanan di kawasan bandar. Ia menggunakan sistem pintar yang mampu menghasilkan sayur-sayuran lebih bermutu tinggi, segar dan juga memiliki rasa lebih enak kepada warga kota.

Bersama misi menghasilkan tanaman lebih lestari, syarikat Sunway XFarms yang terletak di Subang Jaya memperkenalkan hasil tanaman bebas bahan perosak yang boleh dinikmati terus oleh pengguna.



MENERUSI ladang tersebut, penduduk bandar yang melanggan sayur boleh mendapatkan sayur-sayuran segar terus dari kebun dalam tempoh kurang lima jam selepas dipetik atau ditul.



ORANG ramai boleh mendapatkan bekalan sayuran setiap minggu.

Ketua Pegawai Operasi Sunway XFarms, Eleanor Choong berkata, pertanian bandar merupakan satu kaedah melestarikan alam selain merupakan salah satu kaedah bagi memberikan bekalan sayur secara persendirian kepada pengguna.

"Misi kami adalah untuk memberikan bekalan tanaman yang dekat dengan pengguna, sekali gus mengurangkan kesan karbon serta pembaziran nutrisi pada sayur-sayuran yang herlaku akibat proses 'perjalanan' makanan yang kompleks," ujarnya sambil menambah bahawa ladang indoor terbesar di Kuala Lumpur akan dibuka syarikat itu di Jalan Ampang pada September depan.

Mengelakkan konsep sama dengan di Subang Jaya, ladang tiga tingkat seluas 3,437.4 meter persegi itu juga dijangka akan menghasilkan 13,000 kilogram sayuran bebas bahan perosak sebulan yang boleh ditikmati penduduk sekitar.

Tambah Chong, ketika ini, terdapat 30 jenis sayuran yang ditanam di Sunway XFarms seperti mustard looseleaf, dwarf pak choy, chinese ong king dan choy sum.

Kesemua sayuran tersebut boleh dilanggan menerusi perkhidmatan langgaran yang mudah dan menjimarkan.

Menerusi langgaran bulanan bermula RM105 tersebut, orang ramai sebagai contoh boleh mendapatkan sayuran berdaun pada kadar minimum 750 gram seminggu.

Sunway XFarms mengalu-alukan orang ramai untuk menikmati hasil tulian ladangnya menerusi sistem langgaran sayuran yang dipanggil Growlers.

"Kami menjemput orang awam untuk menyokong penghasilan makanan tempatan dan menikmati hasil tanaman kami dengan mendaftar sebagai ahli Growlers."

"Growlers merupakan satu program yang memberi peluang kepada orang awam menikmati hasil tanaman segar secara langgaran bulanan dan pelanggan boleh memilih sama ada untuk mengambil sendiri sayur-sayuran

IMEO

Pertanian indoor

- Penanaman tumbuhan hidroponik secara indoor menggunakan 90 peratus kurang air berbanding di luar
- Pertanian indoor membolehkan tanaman dituai sepanjang tahun
- Jepun antara negara yang berjaya dalam sektor pertanian indoor dengan mewujudkan 200 ladang berakala besar



ELEANOR

yang dilanggar dari premis karni atau pun dihantar terus ke pintu rumah mereka.

"Growlers akan membayar yuran bulanan berpatutan yang membolehkan mereka menikmati hasil tanaman segar yang dihantar ke rumah mereka dalam masa kurang lima jam selepas dituai," ujarnya sambil menambah buat masa ini perkhidmatan itu hanya terhad kepada pelanggan di sekitar Lembah Klang.

Selain itu, katanya, Sunway XFarms turut memperkenalkan program petani perintis yang terbuka kepada semua individu berusia 18 tahun ke atas untuk mula menjadi petani urban dengan menanam sendiri sayuran di premis-premis persendirian seperti rumah atau pejabat.

Jelas Kleanor, menerusi program yang berlangsung selama tiga bulan itu mereka yang menyertaiannya akan berpeluang mempelajari kaedah pertanian mamparni di Sunway XFarms itu selain memperoleh pengalaman bergelar petani urban.

Setiap peserta hanya diperlukan untuk memberikan komitmen dengan menghabiskan masa selama empat jam seminggu mengikut kesesuaian jadual.

Tambahan lagi, program itu juga membantu peserta untuk meningkatkan lagi mutu pengeluaran sayur-sayuran dalam negara sama ada untuk kegunaan persendirian atau pun untuk dijual.

Ia turut bertujuan untuk memberikan lebih kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan pertanian dalam bandar bagi menangani krisis bekalan makanan, selain meningkatkan tenaga kerja dalam industri pertanian.

+



PERTANIAN bandar menerapkan penggunaan pelbagai teknik penanaman yang selamat dan bebas bahan perosak.



KAEDAH penanaman secara bertingkat dapat menjimatkan ruang.



TURKI FAISAL

Pertanian dalam bandar penting pada era pandemik

PERTANIAN bandar ialah penanaman sayur-sayuran atau tumbuh-tumbuhan serta pemeliharaan haiwan seperti ayam dan itik di dalam atau sekitar had bandar untuk menyediakan makanan segar.

Selain itu, ia juga dapat mewujudkan pekerjaan, mengitar semula sisa dan mengukuhkan daya tahan bandar terhadap perubahan iklim.

Pada permulaan pandemik Covid-19, banyak negara menutup sempadan bagi mencegah penyebaran virus, sekali gus menyebabkan gangguan rantauan bekalan makanan, kekurangan makanan dan pembelian panik.

Kesaninya, banyak negara termasuk Arab Saudi telah mengukuhkan keselamatan makanan, lantas menjadikan penyediaan makanan secara urban buat penduduk adalah penyelesaian terbaik bagi menghadapi krisis makanan.

Menurut profesor Jabatan Pertanian dan Kejuruteraan Biosistem di Universiti Arizona, Amerika Syarikat, Dr. Turki Faisal Al-Rasheed, pertanian bandar boleh meningkatkan ketersediaan bekalan makanan segar dan sihat untuk semua penduduk di bandar dalam tempoh masa singkat.

"Semasa krisis seperti pandemik Covid-19, penutupan sempadan, perang saudara atau sekitar ke atas produk import, kaedah pertanian urban memainkan peranan penting dalam menyediakan bekalan makanan kecemasan."

"Masyarakat antarabangsa kini dilihat telah mulai sedar akan peranan penting pertanian bandar dalam meningkatkan ekonomi, alam sekitar dan kesihatan penduduknya," katanya.

Menurutnya, keperluan untuk memahami proses dan pendekatan pertanian bandar adalah penting.

Ini khususnya di kawasan-kawasan yang didapati berlaku peningkatan populasi di mana dengan cara itu juga boleh menjana pendapatan alternatif.



RAHANI dibantu anak dan isterinya ketika memetik terung di ladang mereka di Kampung Tembak B, Kuala Ketil, Baling semalam.

Terung penyelamat hidup kontraktor

BALING – Seorang bekas kontraktor landskap kini mampu memperoleh pendapatan sehingga ribuan ringgit selepas mengusahakan tanaman terung menerusi kaedah fertigasi di Kampung Tembak B, Kuala Ketil dekat sini sejak dua tahun lalu.

Rahani Abu Ahmad, 61, tekad beralih ke bidang pertanian selepas kehilangan peluang pekerjaan atau projek akibat kelesuan ekonomi berikut pandemik Covid-19.

"Pada mulanya saya takut kerana tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pertanian, namun selepas hilang punca pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan saya memberanikan diri menanam terung melalui kaedah fertigasi.

"Alhamdulillah akhirnya terung yang ditanam di dalam beg poli di kawasan sekeliling rumah menjadi punca pendapatan untuk menyara keluarga," katanya di sini semalam.

Katanya, usaha tersebut mendapat sokongan isterinya, Hariyah Mohd, 58, yang membantu daripada proses menanam benih sehingga peringkat

penjagaan tanaman dan menjual hasil.

"Dua anak saya berusia 38 dan 32 tahun pula menjual sendiri terung di pasar pagi Pulau Pinang dan Taman Ria di Sungai Petani.

"Tanaman menggunakan kaedah beg poli ini tidak sesukar menanam di atas tanah yang memerlukan perhatian setiap masa termasuk daripada segi penjagaannya.

"Air, racur dan baja semuanya disalurkan melalui paip dan kerja ini boleh dilakukan bila-bila masa secara berseorangan," ujarnya.

Rahani berkata, pada peringkat awal, dia turut menanam cili, timun dan kacang bendi tetapi selepas mendapat terung mendapat permintaan tinggi, dia kini mengusahakan tanaman itu sepenuhnya berjumlah 2,000 beg poli.

"Dua hari sekali kami menuai hasil dan pokok terung ini mempunyai jangka hayat selama tujuh bulan membuatkan saya tidak lagi bimbang dengan pendapatan jangka masa panjang," katanya.

Penyakit Moko buat pekebun pisang rugi

Serangan terhadap tanaman sejak lebih 15 tahun masih berlarutan

Oleh Suzalina Halid dan Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyakit Layu Bakteria Tanaman Pisang (*Musa spp*) yang lebih dikenali sebagai penyakit Moko, masih menghantui pekebun pisang negara ini, kerana boleh menyebabkan keseluruhan tanaman diusahakan mereka musnah, ekoran penularan yang sukar dibendung secara berkesan.

Penyakit yang disebabkan bakteria *Ralstonia solanacearum* yang terdapat dalam tanah dan menjadi perumah dua hingga tiga tahun.

Serangan Moko menyebabkan pokok bertukar kepada kuning kehitaman sebelum mati, diperdayai menyerang tanaman pisang di negara ini sejak lebih 15 tahun lalu dan masih berlarutan hingga kini tanpa penyelesaian penyakit itu secara menyeluruh.

Pengusaha tanaman pisang da-

ri Kampung Banting, Sabak Bernam, Hamsari Basri, 62, berkata ancaman Moko paling serius dilaminya pada 2004 apabila serangan memusnahkan hampir 60 peratus daripada kira-kira 3,000 pokok pisang ditanamnya di kawasan seluas dua hektar.

Beliau berkata, sejak dari itu, setiap kali mengusahakan tanaman pisang, serangan Moko pasti berlaku dan memerlukan penjagaan yang sangat rapat.

"Serangan Moko ini hanya boleh dikesan apabila pokok itu sudah besar kira-kira berusia empat hingga enam bulan, jadi kerugian itu semakin tinggi berikutan membatikan kos anak benih dan penjagaan."

"Bayangan kauai satu pokok kos membatikan RM8 dan serangan ini pernah memusnahkan hampir 2,000 pokok pisang yang saya tanam. Begitu juga pengusaha lain hingga memerlukan bantuan daripada Jabatan Pertanian untuk bangkit kembali."

"Setiap kali mengalami serangan jangkitan bakteria ini, buah pisang yang berhasil juga bertukar kepada hitam dan tidak boleh dimakan," katanya kepada BH, di sini.

Hamsari berkata, bakteria tersebut yang dipercayai cepat merebak melalui pembawaan air dan menyerang dari bahagian akar.

Beliau yang sudah 30 tahun



Hamsari menunjukkan pokok pisang yang mengalami serangan Moko menyebabkan kerugian kepada pengusaha di Sabak Bernam.
(Foto Faiz Anuar/BH)

aktif dalam bidang pertanian, berkait antara tip kawalan jangkitan bakteria itu ialah memastikan peralatan seperti parang digunakan pada pokok pisang yang sudah terkena serangan dibasuh dengan cecair antibakteria atau dibakar bagi mengurangkan penularan.

"Besar harapan kami supaya kerajaan melalui agensi terabit supaya melakukan penyelidikan terhadap bakteria Moko ini yang sehingga kini belum ditemui kaedah rawatannya."

"Jika tidak, kita khuatir lebih ramai pengusaha akan berputus asa daripada meneruskan tanaman pisang yang akhirnya menjelaskan bekalan atau lebih teruk sesetengah jenis tumbuhan ini akan pupus kesan daripada ancaman Moko," katanya.

Pengusaha tanaman pisang, Mohd Ridhuan Mispan, 35, berkata serangan terbaru Moko terhadap ladangnya pada akhir tahun lalu, yang menyebabkan kerugian puluhan ribu.

Beliau berkata, hampir separuh daripada kira-kira dua hektar tanaman pisangnya yang terdiri daripada pelbagai jenis termasuk pisang abu dan berangan, musnah akibat serangan itu.

"Ia menyebabkan saya perlu fokus dan membuat penjagaan lebih terhadap pokok pisang ini bagi mengelakkan serangan penyakit ini."

"Namun, bagi pokok yang sudah terkena serangan, selalunya saya akan bakar untuk mengelakkan penularan jangkitan," katanya yang mengusahakan tanaman pisang bersama keluarganya sejak 17 tahun lalu.

Pekebun pisang di Batu Pahat, Johor, Samsudin Razak, 68, berkata pisang nangka, nipah dan berangan lebih berisiko mengalami serangan bakteria berkenaan kerana spesies tanaman itu yang mempunyai daya tahan penyakit yang rendah.

"Pokok pisang tanduk dari lang mempunyai daya tahan penyakit yang agak tinggi berbanding pisang nangka, nipah dan berangan, tetapi berdepan pisang berkenaan puja akan menghadapi masalah batang pokok mudah patah akibat kekurangan air pada musim kemarau."

"Pernah beberapa tahun lalu saya ada menanam pisang nangka, nipah dan berangan sebelum musnah akibat penyakit berkenaan puja akan menghadapi masalah batang pokok mudah patah akibat kekurangan air pada musim kemarau."

Katanya, sehingga masih tiada rawatan khas yang boleh merawat penyakit berkenaan sepenuhnya apabila ia menyerang pokok pisang dan berharap saintis dan penyelidik tempatan dapat mencari jalan atau menjalankan kajian memangani serangan penyakit Moko itu.

tidak menjadi.

"Apabila diserang penyakit berkenaan, bahagian dalam batang pisang akan jadi busuk dan kehitaman. Jika dibelah buah pisang berkenaan ialah juga menjadi hitam," katanya.

Samsudin berkata, ancaman jangkitan bakteria itu tidak mudah ditangani dengan racun menyebabkan pokok yang mengalami serangan terpaksa dimusnahkan sepenuhnya mengelak ia merebak.

"Ada juga rakan pekebun mengalami kerugian hingga puluhan ribu ringgit apabila terpaksa menebang pokok pisang bagi mengelakkan penyakit merebak."

"Selain pokok pisang yang sudah matang tumbarsannya, penyakit ini turut menjangkiti anak pisang yang boleh dikesan berdasarkan bintik-bintik hitam di dalam batang anak pokok berkenaan," katanya.

Katanya, sehingga masih tiada rawatan khas yang boleh merawat penyakit berkenaan sepenuhnya apabila ia menyerang pokok pisang dan berharap saintis dan penyelidik tempatan dapat mencari jalan atau menjalankan kajian memangani serangan penyakit Moko itu.

Bekalan telur ayam habis, pemborong kena tutup kedai

KEMAMAN – Bekalan telur ayam di daerah ini yang berkurangan sejak 1 Julai lalu semakin membingkangi apabila kebanyakan pemborong pasar raya dan kedai tidak mempunyai stok.

Seorang pemborong telur, Afian Ibrahim, 53, berkata, dia terpaksa menutup premis perniagaannya selama tiga hari selepas terputus bekalan telur. “Biasanya, saya ambil bekalan telur sebanyak 3,000 papan dan cukup untuk seminggu. Bagaimanapun stok 3,400 papan yang diambil Sabtu lalu habis dijual tidak sampai tiga hari.

“Apa yang mengejutkan, pelanggan yang membeli kebanyakan dari luar daerah ini termasuk Cherating, Pahang dan Dungun,” katanya di sini semalam.

Afian percaya, pembelian panik tersebut disebabkan ke-

tidak mendapat bekalan telur meskipun telah mencari ke beberapa pasar raya dan kedai pemborong.

“Biasanya, saya akan beli 20 papan telur untuk dijual kepada peniaga kedai makan yang telah membuat tempahan, namun sudah lebih tiga pasar raya semuanya habis (tehr).

“Jangraan saya, krisis bekalan ini berikutnya pembelian panik daripada pengguna yang dikatakan membuat stok bagi mengelak terputus bekalan,” jelasnya.

Bagi seorang pengguna, Muhammad Azmi Razali, 56, dia mewajih untuk makan telur itik dan telur ayam kampung bagi menggantikan telur ayam.

“Kalau tiada telur ayam biasa,

saya akan beli telur itik dan telur

ayam kampung yang mana rasa

nya lebih enak walaupun harga

lebih mahal,” katanya.

BEBERAPA kedai pemborong telur terpaksa menutup premis berikutnya tiada stok.

pengusaha kedai makan berhubung kenaikan mendadak harga telur.

Bagi peniaga kedai runcit,

Mohd. Taib Abu Bakar, 61, puia

dia tidak dapat memenuhi per-

mintaan pelanggannya kerana



MOHD. TAIB menunjukkan bekas telur kosong selepas bekalan telur dikedaiinya habis di Chukai. Kemaman semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2022	KOSMO	NEGARA	16



MURNI (kanan) dan pekerjaanya memotong ayam proses yang dijual pada harga RM8.80 sekilogram di kedai runcitnya di Pantai Senok, Bachok semalam.

Peniaga di Bachok dan Gua Musang kekal harga lama

Tetap jual ayam RM8.80 sekilogram

Oleh ROHANA MOHD. NAWI dan AIMUNI TUAN LAN

BACHOK – Beberapa peniaga di daerah ini tetap mahu menjual ayam standard pada harga siling lama, iaitu RM8.80 sekilogram berbanding RM9.40 sekilogram harga yang ditetapkan bermula 1 Julai.

Mereka berpendapat masih mendapat keuntungan walaupun dengan menjual harga lama.

Seorang peniaga ayam proses di Pantai Senok yang mahu dikejali Murni, 50, berkata, dia menjual ayam standard pada harga RM8.80 sekilogram sebaliknya RM9.40 yang baru ditetapkan kerajaan.

"Ujarnya, harga yang ditawarkan di kedai runcitnya itu sudah membolehkan dia mendapat

sedikit keuntungan daripada penjualan sekilogram ayam.

Katanya lagi, dia memperoleh bekalan ayam proses dari ladang ternakan di Perak pada harga yang masih dianggap berpatutan ketika ini.

"Apabila dicampur dengan kos penghantaran dari sana ke Kelantan, kita masih lagi boleh menjual ayam proses di bawah paras harga siling yang ditetapkan kerajaan.

"Saya perlu menjual ayam proses pada harga yang mampu milik kerana semasa harganya melonjak sebelum ini, premis saya kurang menerima pelanggan yang membeli bekalan bahan mentah itu," katanya ketika ditemui Kosmo semalam.

Kata Murni, dia turut menjanjikan ayam proses akan turun ke paras RM7 sekilogram sebaliknya bekalan bahan mentah tersebut

terus ada di pasaran seperti keadaan semasa ketika ini.

Ujarnya, kebanyakan peniaga juga tidak mengenakan caj pemotongan ayam kepada pelanggan ketika ini.

Di Gua Musang, seorang pengguna, Norzulin Harun Hassan, 55, berkata, langkah penetapan harga siling yang ditetapkan kerajaan dilihat membantu mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup kehuarganya.

"Ujarnya, dia bersyukur ayam ada harga siling berbanding ura-ura harga dilapungkan."

"Saya perlu sediakan ayam untuk tujuh ahli keluarga dan ayam itu hanya mampu bertahan tempoh dua hari," ujarnya.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan harga siling bagi ayam standard ditetapkan pada kadar RM9.40 sekilogram berkuat kuasa bermula 1 Julai ini.

Peniaga di Johor patuh harga siling ayam, minyak masak

JOHOR BAHRU – Peniaga di negeri ini patuh dengan arahan dan menjual harga ayam standard RM9.40 sekilogram seperti yang ditetapkan kerajaan.

Selain itu harga minyak masak botol turut dijual dengan harga baharu di sini.

Tinjauan Kosmo di sebuah pasar raya di Tampoi di sini mendapati para peniaga mematuhi

harga yang telah ditetapkan dengan meletakkan tanda harga di hadapan gerai masing-masing.

Sebelum ini harga ayam naik mendadak sehingga ada yang mencerek RM12 sekilogram menyebabkan para pengguna mengeluh dengan harga ayam yang melambung tinggi.

Sejak 1 Julai harga siling runcit ayam standard ditetapkan pada

kadar RM9.40 sekilogram bagi semenanjung.

Seorang peniaga kedai runcit, Sofian Shafiee, 42, berkata, harga ayam kini dijual berdasarkan harga baharu sejak 1 Julai.

"Minyak pula kami masih guna harga lama kerana stok lama masih banyak lagi," ujarnya.

Jelasnya, harga minyak masak masih belum naik dan dia masih

menunggu stok baharu daripada pemborong.

Bermula 1 Julai harga minyak masak bagi semenanjung mula dijual tanpa subbid dengan harga baharu bermula RM9.40 hingga RM9.50 bagi 1 sekilogram.

Bagi 2 kilogram sebotol dijual dengan harga RM18.05 dan RM18.25, 3 kilogram RM26.65 dan RM26.95 dan 5 kilogram ditetap-

kan harga bermula RM42.20 dan RM42.70.

Bagi peniaga yang mahu dikejali Rahim di sini berkata, dia bersyukur harga ayam sudah dimuktamadkan.

"Pembeli marah-marah harga ayam melambung sebelum sebelum itu, minyak masak pula ramai cari peket tetapi tiada stok," ujarnya.